

1103/1  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1  
Ogos/September  
2014  
2 ¼ jam



MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5  
TAHUN 2014  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

---

MODUL 2  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 1  
Dua jam lima belas minit

---

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

---


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang punca-punca berlakunya fenomena jerebu. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B**

[100 markah]

*[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]*

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semakin hampir. Anda berazam untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan tersebut.

Jelaskan perancangan-perancangan anda untuk mencapai matlamat tersebut.

2. Anak-anak boleh membantu ibu bapa dalam usaha mengurangkan bebanan ekonomi dalam rumah tangga.

Selaku pengerusi kelab pengguna di sekolah, anda diminta menyampaikan ucapan tentang langkah-langkah hemat berbelanja yang boleh dibantu oleh anak-anak. Tuliskan ucapan anda selengkapnya.

3. Pengetahuan tentang sejarah dikatakan teras kepada pembentukan tamadun sesuatu bangsa. Malangnya sejak akhir-akhir ini sindrom buta sejarah telah melanda generasi muda.

Ulasakan pendapat anda tentang kewajaran kerajaan mewajibkan lulus mata pelajaran sejarah pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

4. Pelaburan asing memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan sesebuah negara.

Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kemasukan pelaburan asing di sesebuah negara.

- 5.

*Keutamaan kesabaran fikiran tenang,  
Perkara susah menjadi senang.*

Petikan gurindam di atas menjelaskan perlunya bersifat sabar dalam diri seseorang.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan-kepentingan bersabar dalam melaksanakan sesuatu tugas.

KERTAS SOALAN TAMAT

<http://edu.joshuatly.com/>

[facebook.com/edu.joshuatly](https://www.facebook.com/edu.joshuatly)

**CADANGAN SKEMA JAWAPAN PERCUBAAN SPM KEDAH 2014****(MODUL 2 TINGKATAN 5)****KERTAS 1****BAHAGIAN B****Soalan 1****Dimensi : Diri****Format : Tiada****Tema : Ambang Remaja/Remaja dan Cabaran (Tingkatan 4)****Aras : Rendah****Tugasan Soalan**

Calon diharapkan dapat menghuraikan perancangan-perancangan/cara-cara dia (ada kata ganti nama saya/kita dalam ayat topik) untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM. Jika tidak ada kata ganti nama, tidak layak di peringkat cemerlang.

**Cadangan idea**

Antara perancangan memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan:

1. Memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran semasa mengikuti pengajaran guru.
2. Membuat persediaan awal apabila akan menghadapi peperiksaan tidak kira sama ada ujian bulanan, peperiksaan penggal atau peperiksaan awam.
3. Bersoal-jawab dengan guru untuk memahami pelajaran yang telah diajar. Sering memberi pandangan dan pendapat dalam proses pembelajaran.
4. Menyiapkan tugas yang telah diberi oleh guru sama ada kerja dalam kelas atau kerja rumah, dalam tempoh yang ditetapkan oleh guru berkenaan.
5. Mengadakan kumpulan perbincangan (study group) bersama rakan-rakan yang mempunyai visi dan agenda yang sama iaitu kejayaan dalam peperiksaan.
6. Menyediakan jadual waktu untuk merancang pembelajaran pelajar di luar sekolah. Minta nasihat guru atau mereka yang berpengalaman untuk mendapatkan corak jadual yang sesuai dan efektif. Jadual ini mestilah dipatuhi.
7. Mengikuti ceramah-ceramah motivasi yang diadakan untuk melahirkan semangat dan keyakinan diri. Mengikuti seminar-seminar peperiksaan yang diadakan bagi memahami teknik-teknik menjawab soalan peperiksaan.
8. Menyertai pelbagai aktiviti sekolah secara aktif dalam kokurikulum. Badan yang cergas akan menghasilkan otak yang cerdas. Otak yang cerdas pula akan melahirkan pemikiran yang lancar.
9. Sentiasa berdoa dan mengharapkan pertolongan daripada Tuhan. Aspek kerohanian ini juga sama penting dengan aspek jasmani dan minda pelajar.

**Soalan 2****Dimensi : Keluarga****Format : Ucapan****Tema : Ambang Remaja/ Remaja dan Keluarga (Tingkatan 4)****Aras : Sederhana****Tugas Soal**

Calon dikehendaki menulis ucapan tentang langkah-langkah hemat berbelanja yang boleh dibantu oleh anak-anak.

**Cadangan idea**

1. **Mengamalkan latihan berjimat cermat** - amalan yang harus dipupuk sejak dari kecil- memupuk nilai-nilai murni dalam keluarga seperti menyayangi harta benda dan berbelanja secara berhemat,
2. **Mengamalkan latihan menabung dan menyimpan** - penyimpanan melalui institusi kewangan, pelaburan saham - berjimat cermat sewaktu senang dengan memperuntukkan lebihan belanja untuk simpanan- hayati budaya masyarakat silam menyimpan wang di dalam tabung buluh
3. **Anak-anak hendaklah memahami kemampuan ibu bapa** - tidak meminta -minta sesuatu yang berlebih-lebihan- tidak melampau dan tidak meniru cara hidup rakan-rakan di luar
4. **Tidak terpengaruh dengan sikap ingin bersaing dan menunjuk-nunjuk** - elakkan sikap meninggi diri mahu bersaing dengan jiran tetangga
5. **Tidak terlalu terpengaruh dengan umpan kebendaan dan berbelanja di luar kemampuan**- ukur baju di badan sendiri - keinginan untuk bergaya melebihi kemampuan - terpengaruh dengan pelbagai iklan dan pujukan atau tawaran jualan

**Tambahan : - mesti berformat ucapan - Tolak 2 markah jika tidak berformat  
:- mesti ada sisipan kata-kata ‘tuan/puan, para hadirin dan sebagainya  
sekurang-kurangnya sekali. ( termasuk dalam format )**

**Soalan 3.****Dimensi : Negara****Format : Tiada****Tema : Pendidikan Alaf Ini (Tingkatan 5)****Aras : Tinggi****Tugas Soal**

Calon diharapkan dapat mengulas tentang kewajaran kerajaan mewajibkan lulus mata pelajaran sejarah pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

**Cadangan idea**

1. **Dapat melahirkan rakyat yang sedar akan asal usul** - kejahilan terhadap asal usul boleh melahirkan individu yang mudah menderhaka - sejarah memberikan maklumat tentang keadaan sebenar tanah air dan bangsa sendiri- dapat membezakan dengan situasi di negara lain- tidak dengan sewenang-wenangnya melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah Negara

2. **Dapat menjelaskan tentang kedudukan sebenar masyarakat dan sistem politik masyarakat majmuk di Malaysia-** mendidik rakyat agar faham dan tahu bertolak ansur dalam kalangan masyarakat majmuk-bersatu untuk membentuk bangsa Malaysia berasaskan permuafakatan dalam kontrak sosial
3. **Mendidik rakyat memahami sistem bernegara-** sejarah sebagai sumber mengubah tingkah laku rakyat agar faham sistem pemerintahan sesebuah negara- mendidik rakyat agar menghormati pemimpin, menghormati kewujudan perbezaan kaum, agama, budaya dan bahasa
4. **Elemen (alat penting) membantu mempercepat pembangunan negara-** rakyat yang faham sejarah akan patuh kepada negara- sentiasa berusaha memajukan tanah air- tidak menimbulkan angkara yang membawa suasana ketidaktertaman dalam masyarakat dan negara- keamanan boleh meningkatkan daya produktiviti negara
5. **Sentiasa bersedia mempertahankan kedaulatan negara-** rasa sayang dan terhutang budi kepada negara - bersedia pada bila-bila masa menjadi tulang belakang pertahanan negara - menjamin ketenteraman dan keamanan negara

#### **Soalan 4**

**Dimensi** : Antarabangsa  
**Format** : Tiada  
**Tema** : Pelaburan (Tingkatan 5)  
**Aras** : Tinggi

#### **Tugasan Soalan**

Calon diharapkan dapat menghurai faktor-faktor yang mempengaruhi kemasukan pelaburan asing di sesebuah negara.

#### **Cadangan idea**

1. Faktor kestabilan politik sesebuah negara.
2. Tenaga kerja yang banyak boleh membantu negara untuk meningkatkan pelaburan asing.
3. Kemudahan infrastruktur sesebuah negara.
4. Faktor birokrasi juga turut memainkan peranan penting bagi menentukan kemasukan pelaburan asing.
5. Kegiatan pelaburan asing sering sahaja dikaitkan dengan aspek kestabilan ekonomi sesebuah negara.

**Kemungkinan: Jika calon tidak memberi contoh negara-negara pelabur, tidak layak mendapat cemerlang.**


**Soalan 5****Dimensi : Komsas****Format : Tiada****Aras : Sederhana****Tugasan Soalan**

Calon diharapkan dapat menghurai pendapat tentang kepentingan-kepentingan bersabar dalam melaksanakan sesuatu tugas.

**Cadangan idea**

1. Dapat melaksanakan sesuatu tugas yang sukar dengan baik
2. Mendapat ketenteraman fikiran kerana tidak bertindak tergesa-gesa
3. Menjadikan seseorang itu tekun melakukan sesuatu pekerjaan.
4. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan jujur
5. Pekerjaan yang dihasilkan lebih berkualiti

1103/2  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
Ogos/September  
2014  
2 ½ jam



MODUL PENINGKATAN PRESTASI TINGKATAN 5  
TAHUN 2014  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH (KEDAH)

---

MODUL 2  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan daripada guru yang bertugas.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.



**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan berpeluh kepada manusia dan cara-cara menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Dalam suasana kehidupan di bandar, kebanyakan penduduknya tidak suka akan pekerjaan yang terlalu banyak mengerah tenaga. Mereka lebih suka bekerja di pejabat tanpa mengeluarkan peluh. Sikap ini perlu diubah kerana pakar perubatan telah membuktikan bahawa berpeluh amat penting untuk penjagaan kesihatan. Hal ini demikian kerana peluh mengalirkan kotoran keluar daripada tubuh dan tidak membiarkan bahan toksik bergelung dalam darah.

Berdasarkan sistem biologi tubuh manusia, orang yang sering berpeluh akan mempunyai kulit yang lebih bersih. Kulit manusia yang mengalirkan sisa toksik keluar daripada badan menjadikannya berfungsi sebagai ginjal ketiga tubuh manusia. Kulit yang berpeluh akan membuang kotoran yang sama banyak dengan kerja yang dilakukan oleh ginjal selama 24 jam. Peluh yang keluar dapat mengekalkan keanjalan kulit secara semula jadi. Kadar peluh yang keluar itu dikawal oleh sel saraf di bahagian otak yang mendapat input daripada reseptor yang mengesan suhu pada permukaan kulit. Tujuan pengeluaran peluh ini adalah untuk menyejukkan tubuh badan kerana peluh dapat mengimbangkan suhu badan supaya kekal stabil. Oleh sebab itu, terapi peluh dilakukan di rumah mandi wap sebagai salah satu cara perubatan tertua yang diamalkan turun-temurun dalam pelbagai budaya di dunia seperti *sauna* di Finland, *hamam* di Timur Tengah, *sifutu* di Afrika, dan *sento* di Jepun. Selain menggunakan air panas dan wap untuk merembeskan peluh, mandi wap juga dapat menenangkan perasaan. Di samping itu, rembesan peluh dapat mencegah penyakit ekzema dan jerawat yang berpunca daripada liang roma yang tersumbat.

Seseorang yang bekerja di pejabat dalam jangka masa yang lama, tanpa mengeluarkan peluh, sering berasa letih. Sehubungan dengan itu, mereka perlu sedar akan kepentingan berpeluh. Kajian perubatan telah membuktikan bahawa berpeluh sebenarnya dapat mengurangkan keletihan di samping untuk membuang asid laktik yang terkumpul dalam otot. Selain melalui najis dan kencing, bahan urea atau sisa metabolisme juga dinyahkan dengan cara berpeluh. Perlu diingat bahawa sisa urea yang terkumpul dalam tubuh boleh menyebabkan sakit kepala dan loya. Jika jumlahnya banyak dan dibiarkan terkumpul terlalu lama pula, bahan kotoran itu boleh mengakibatkan koma serta kematian.

Tidak dapat dinafikan bahawa banyak sekali kebaikan berpeluh dalam kehidupan seharian. Sesungguhnya, setitik keringat yang mengalir pada kulit bukanlah sesuatu yang remeh dan boleh dibuang begitu sahaja sebaliknya *menyimpan pelbagai hikmah* tentang kesihatan.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Bukan Sekadar Keringat' oleh Saharil Hasrin Sanin *Dewan Kosmik*, November 2009)

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyimpan pelbagai hikmah*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang akan dialami oleh seseorang jika tidak berpeluh.  
Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah alasan-alasan yang sering diberikan oleh sesetengah individu yang tidak suka badannya berpeluh?  
Berikan **tiga** alasan. [4 markah]

**Soalan 2 (b) - Petikan Drama**

*Baca petikan drama di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- SANI : Sani yakin, emak. Sani yakin bapa masih hidup.
- SABARIAH : *(Meninggikan suara dari jauh)* Sani! Kenapa bagi harapan yang kosong pada emak? Engkau ni siapa yang hendak memandai-mandai? Cermin muka kau tu. Jangan hendak berdolak-dalik dalam soal kematian. Berterus-terang saja. Hoi, kau ingat laut itu macam air kolah masjidkah? Tak nampakkah macam mana ombak tsunami itu musnahkan harta benda di pantai? Bapa dalam laut ketika itu. Kalau di atas daratan habis hancur musnah, di dalam laut tu apatah lagi. Cuba buang khayalan kau itu. Jangan hendak tunjuk pandai. Engkau orang luar. Bukan keluarga kami. Sudah dapat menumpang ini pun sudah kira bagus, tahu.
- SANI *(Terasa dengan sindiran SABARIAH tetapi tetap bersabar)* Kakak, jangan cakap begitu, kak.
- SABARIAH : Habis kau hendak suruh buat macam mana? Cium kau? Sujud dekat kaki kau? Jangan hendak perasan, Sani. Jangan hendak tunjuk baik kau itu. Yang hilang itu bapa aku. Bapa aku. Kau tidak ada kena-mengena dalam perkara ini.
- SANI : Kak...bukan itu maksud Sani, kak...
- SABARIAH : Jangan panggil aku kakak kau.
- SABRI : Angah! *(Cuba meleraikan pertengkaran)*
- SABARIAH : Kauingat, Sani! Aku lebih dulu makan garam daripada engkau. Kau jangan hendak memandai-mandai. Kaubuat urusan engkau sendiri. Jangan campur urusan orang. Sudah mak, mari balik. Emak raung dengan air mata darah pun sudah tidak berguna lagi. Bapa sudah tidak ada. Mayatnya mungkin sudah hilang.
- SABRI : *(Meluru ke arah SABARIAH)* Hiss, apa ni Angah? Jangan ditengking herdik Sani itu. Tidak tengok emakkah? Jaga sikit mulut itu.

*(Dipetik daripada drama "Tiang Cengal Dinding Sayung",  
oleh Suriani Mohd. Yusof, dalam Antologi Dirgahayu  
Bahasaku, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010)*

- (i) Apakah tanggapan Sabariah terhadap bapanya? [ 2 markah ]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah pertelingkahan dalam kalangan keluarga sering berlaku? [ 3 markah ]
- (iii) Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan drama di atas dan satu pengajaran lain daripada keseluruhan drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [ 4 markah ]

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Serta sudah kumpul di kenaikan, lalu berangkatlah Opu Daeng yang berlima bersaudara naik ke darat, serta dengan alat senjatanya bersama-sama inderagurunya Tujarapok dan sekalian nakhoda orang Bugis dan sekalian nakhoda yang datang dari Timur yang ada di Kedah itu, sekaliannya dibawa masuk menghadap Raja Kedah. Serta sampai ke rumah anak raja Kedah yang tua itu, lalu duduklah.

Maka lalu keluar anak Raja Kedah menghadap sekalian orang yang datang itu. Maka berkhabarlah Opu Daeng yang berlima bersaudara itu mengatakan, "Saya semua ini datang hendak menggelar anak Raja Kedah itu Yang Amtuan jadi Raja di Kedah."

Maka disahutinya oleh anak raja itu, "Baiklah."

Maka lalu dibacalah surat gelaran. Maka anak raja itu, digetarlah Yang Dipertuan Kedah.

Setelah selesailah daripada itu, maka diangkatlah nasi persantapan mana-mana yang hadir sudi, sedapat-dapatlah. Setelah selesai daripada itu, maka santap sirih. Setelah sudah makan sirih maka membaca doa selamat.

Lalu bertitah Raja Kedah, "Asal selamat pekerjaan ini, *tiadalah saya mungkir daripada hal perjanjian.*"

(Dipetik daripada 'Hikayat Opu Daeng Menambun' dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku* Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *tiadalah saya mungkir daripada hal perjanjian*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan Opu Daeng lima bersaudara setelah dibaca surat gelaran? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda ialah salah seorang Opu Daeng yang lima bersaudara itu, bagaimanakah anda akan menghargai jasa seseorang itu selain mengurniakan anugerah gelaran kepadanya? [3 markah]

**Soalan 2 (d) – Puisi Tradisional**

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**PANTUN EMPAT KERAT  
(JENAKA DAN SINDIRAN)**

Apa guna berkain batik,  
Kalau tidak memakai capal;  
Apalah guna beristeri cantik,  
Kalau tak pandai menumbuk sambal.

Dari Kelang lalu ke Jawa,  
Naik sigai ke atas atap;  
Ikan kering lagi ketawa,  
Mendengar tupai membaca kitab.

Ambil segulung rotan saga,  
Suruh diambil mari diurut;  
Duduk termenung harimau tua,  
Melihat kambing mencabut janggut.

Kupu-kupu terbang melintang,  
Hinggap menghisap bunga layu;  
Hati di dalam menaruh bimbang,  
Melihat ikan memanjat kayu.

Lebat sungguh padi di paya,  
Kayu tumbang tepi pangkalan;  
Hairan sekali hati saya,  
Burung terbang disambar ikan.

**HARUN MAT PIAH** (Penyelenggara)  
Puisi Melayu Tradisional: *Nasihat dan Pengajaran, 2004*  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan **dua** perkara ganjil yang terdapat dalam pantun ini. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan jika seseorang itu memilih isteri berdasarkan kecantikan semata-mata? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** nilai yang terdapat dalam pantun ini. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

- (a) **Tulis satu ayat bagi setiap kata majmuk di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) sos cili
- (ii) bas sekolah
- (iii)latih tubi
- (iv)mesra alam
- (v) daya saing
- (vi)cetak rompak

[6 markah]

- (b) **Pisahkan ayat majmuk di bawah kepada enam ayat tunggal tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.**

Masalah jerebu yang sedang melanda negara menyebabkan kesihatan penduduk terjejas malah turut mengurangkan jumlah kedatangan pelancong. Banyak sekolah terpaksa ditutup apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada dalam kategori 'sangat tidak sihat' dan situasi ini mengundang kebimbangan banyak pihak.

[6 markah]

- (c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Ketika muda dahulu Pak Said digelaran jagoh memanjat pokok kelapa, namun kini dia hanya seorang tua yang tidak berdaya dan terlantar sakit.
- (ii) Masalah pelajar yang suka ponteng aktiviti ko-kurikulum akan dibincang dalam mesyuarat esok.
- (iii) Pamiran pendidikan lanjutan yang diadakan di PWTC, Kuala Lumpur telah mendapat sambutan yang mengalakkan daripada para pengunjung.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Encik Syukur dan pekerja-pekerja di bawah seliaannya menerima intensif dari majikan mereka.
- (ii) Ibu bapa perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh demi untuk memastikan anak-anak berdaya dalam kehidupan.
- (iii) Antara isu yang hangat diperkatakan pada masa kini ialah penambahan kes-kes jenayah yang melibatkan warga asing di negara ini.

[6 markah]

(e) Isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

- (i) Kehidupan keluarga itu boleh diibaratkan .....kerana pendapatan yang diperoleh hanya cukup untuk membeli makanan sahaja.
- (ii) Ayah merancang untuk membawa kami sekeluarga ..... ke Gold Coast, Australia pada hujung tahun ini.
- (iii) Encik Taufik tidak sombong walaupun dia berkelulusan tinggi kerana dia berpegang pada prinsip .....

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof.
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah.
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah.
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood.
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain.
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir.
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah.
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd.Talib Hassan.

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua peristiwa menarik** pada bahagian peleraian novel tersebut. [ 7 markah ]
- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, **bandingkan perwatakan watak utama** dalam setiap novel. [ 8 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



## PERATURAN PEMARKAHAN

## Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi - **20** markah  
 (b) Bahasa - **10** markah  
 (a) **Isi** [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
  - perkataan berulang
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda bacaan/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota**

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN****Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan (2 markah)****Markah**

- Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / manfaat / keperluan / faedah berpeluh kepada kesihatan tubuh badan manusia. 2
- Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / manfaat / keperluan / faedah berpeluh kepada kesihatan dalam kehidupan seharian. 2
- Petikan membincangkan kebaikan / kelebihan / manfaat / keperluan / faedah berpeluh kepada kesihatan. 1

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]****Kepentingan berpeluh kepada manusia**

1. Penting untuk penjagaan kesihatan 2
2. Mempunyai kulit yang lebih bersih 2
3. Membuang kotoran yang sama banyak dengan kerja yang dilakukan 2
4. Mengekalkan keanjalan kulit secara semula jadi 2
5. Menyejukkan tubuh badan 2
6. Mencegah penyakit ekzema dan jerawat 2
7. Mengurangkan keletihan 2
8. Membuang asid laktik yang terkumpul dalam otot 2
9. Mengenyahkan bahan urea atau sisa metabolisme 2

**Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**

**Cara-cara menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh**

1. Kempen menggalakkan rakyat terlibat dalam aktiviti riadah / berkebun / bersukan / bergotong royong/dorongan ibu bapa 2
2. Menyediakan kemudahan bersukan / beriadah di tempat awam/di rumah 2
3. Menurunkan harga peralatan untuk bersenam / bersukan 2
4. Menganjurkan pertandingan-pertandingan sukan 2
5. Membanyakkan program yang menggalakkan rakyat terlibat dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh. 2

**Kesimpulan** (2 markah)

Kesimpulannya, semua orang hendaklah mengeluarkan peluh agar tahap kesihatan terpelihara. 2

Kesimpulannya, semua orang hendaklah mengeluarkan peluh 1

**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) :**9** markah  
 Soalan 2(b) :**9** markah  
 Soalan 2(c) :**8** markah  
 Soalan 2(d) :**9** markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak betul/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum**(i) Maksud *menyimpan pelbagai hikmah*

- Mengandungi / mendatangkan / mempunyai / tersembunyi / banyak kebaikan/faedah 2
- Banyak kebaikan 1
- Mempunyai faedah 1
- Mengandungi berbagai-bagai hikmah 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Kesan-kesan (Isi cukup - 3 kesan)

- Sering berasa letih 1
- Sakit kepala 1
- Loya 1
- Koma 1
- Mati 1

**[Maksimum : 3 markah]**

(iii) Alasan-alasan (Isi cukup - 3 alasan)

- Peluh mengeluarkan bau busuk 1
- Menyebabkan baju / pakaian yang dipakai basah / lembab 1
- Menyebabkan rasa rimas / tidak selesa 1
- Melekitkan tubuh badan 1
- Mengotorkan tubuh badan 1
- Bimbang orang lain berasa jijik / kurang senang 1

**[Maksimum : 4 markah]****Soalan 2 (b) – Petikan drama****JAWAPAN**

(i) Tanggapan :

- bapanya sudah tidak ada/mati 1
- mayatnya mungkin sudah hilang 1

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Pendapat: (isi cukup – dua sebab)

-masing-masing ada ego yang tersendiri /tiada rasa hormat antara satu sama lain

-perbezaan pendapat dalam sesuatu perkara/kurang persefahaman

-perebutan harta benda/harta pusaka

**[Maksimum: 3 markah]**

\*terima isi lain yang sesuai

(iii) Satu pengajaran dalam petikan:

Kita perlu menjaga hubungan yang baik dalam keluarga/ Kita hendaklah hormat menghormati/ Jangan bergaduh antara adik-beradik/Janganlah bercakap kasar sesama ahli keluarga.

-Sabariah yang tidak suka kepada Sani dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Sani .

1 + 1

**[Maksimum : 2 markah]**

Satu pengajaran daripada keseluruhan drama:

Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab dengan baik iaitu memberi pendidikan kepada anak-anak.

- Pak Jumaat dan Mak Jah memberi pendidikan kepada anak-anaknya sehingga ke universiti.

1 + 1

Kita hendaklah mengenang jasa ibu bapa yang telah membesarkan kita.

- Sani yang menyayangi Pak Jumaat dan Mak Jimah sepenuh hati walaupun dia hanya anak angkat sahaja.

1 + 1

Kita perlu menyesal dan insaf terhadap kelemahan kita.

- Sabariah insaf atas kesilapannya yang tidak dapat meluangkan masa dengan ibu bapanya.

1 + 1

Kita perlu bersyukur dengan apa-apa yang kita miliki.

- Man Bengap bersyukur dengan kehidupannya yang serba kekurangan.

1 + 1

Kita perlu berjimat cermat dalam berbelanja.

- Misalnya Pak Jumaat menyimpan duit yang dikirim oleh anak-anaknya.

1 + 1

Kita perlulah bekerjasama dalam melakukan sesuatu perkara.

- Misalnya penduduk kampung bekerjasama mencari Pak Jumaat yang hilang.

1 + 1

**[Maksimum :2 markah]**

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik****Markah**

- (i) Maksud
- Tidak melanggar syarat yang telah ditetapkan 2
  - Tidak melanggar perjanjian 1
- [Maksimum : 2 markah]**
- (ii) Perkara-perkara yang dilakukan oleh Opu Daeng Berlima bersaudara (isi cukup – 3 perkara)
- Makan nasi 1
  - Makan sirih 1
  - Membaca doa selamat 1
- [Maksimum : 3 markah]**
- (iii) Menghargai jasa seseorang
- Memberi ganjaran/memberi harta/memberi tanah/rumah
  - Membina sebuah memorial tentang tokoh
  - Meraikan tokoh ke majlis makan malam
  - Memberi bantuan kewangan/elaun bulanan
- [Maksimum : 3 markah]**

**Soalan 2 (d) – Puisi Tradisional**

- (i) **Dua perkara ganjil (isi cukup – 2 perkara)**
- Ikan kering lagi ketawa 1
  - Tupai membaca kitab 1
  - Duduk termenung harimau tua 1
  - Kambing mencabut janggut 1
  - Ikan memanjat kayu 1
  - Burung terbang disambar ikan. 1
- [Maksimum : 2 markah]**
- (ii) **Pendapat (isi cukup – 2 kesan)**
- kebahagiaan rumahtangga tidak kekal lama 1
  - urusan rumah tangga akan terabai 1
  - asuhan anak-anak tidak sempurna 1
  - suami diabaikan kerana asyik menjaga kecantikan sahaja 1
- [Maksimum : 3 markah]**



**(ii) Nilai (isi cukup – 2 nilai )**

Kerajinan – Seseorang isteri perlu rajin menguruskan rumah tangga	1 + 1
Bijaksana – Manusia perlu bijak agar dapat menilai keanehan yang berlaku di sekelilingnya.	1 + 1
Nasihat-menasihati – Golongan wanita dinasihati supaya pandai memasak	1 + 1
Merendah diri – Orang yang tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam sesuatu bidang perlu merujuk kepada orang yang lebih arif	1 + 1
Bertanggungjawab – Seseorang isteri bertanggungjawab menguruskan rumah tangga dengan baik	1 + 1
Kegigihan – Seseorang yang gigih berusaha bagi mencapai matlamatnya.	1 + 1
Rasional – Seseorang yang rasional dalam melakukan sesuatu perkara	1 + 1

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada

Soalan 3(a) :**6** markah

Soalan 3(b) :**6** markah

Soalan 3(c) :**6** markah

Soalan 3(d) :**6** markah

Soalan 3(e) :**6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak 1/2 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Jika tidak jelas, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah

**Jawapan 3(a)**

- (i) sos cili - bahan (cair atau pekat) untuk menyedapkan makanan.
- (ii) bas sekolah - kenderaan besar yang membawa penumpang (murid sekolah) yang beroperasi mengikut jadual perjalanan tertentu.
- (iii) latih tubi - pelajaran atau didikan secara intensif untuk memahirkan (membiasakan) ajaran yang diterima.
- (iv) mesra alam - tidak memudaratkan kualiti alam sekitar.
- (v) daya saing - kemampuan untuk bersaing.
- (vi) cetak rompak - perbuatan menerbitkan hasil ciptaan muzik atau karya penulis, pemuzik, penyanyi dan sebagainya tanpa kebenaran, tanpa membayar royalti kepada mereka.

[Maksimum : 6 markah]

- 3b) i. Masalah jerebu sedang melanda negara.
- ii. Masalah jerebu menyebabkan kesihatan penduduk terjejas.
  - iii. Masalah jerebu menjejaskan jumlah kedatangan pelancong.
  - iv. Banyak sekolah terpaksa ditutup.
  - v. Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada dalam kategori 'sangat tidak sihat'.
  - vi. Situasi ini mengundang kebimbangan banyak pihak.

[Maksimum : 6 markah]

- 3c) i. digelaran – digelar  
jagoh – jaguh
- ii. ko-kurikulum – kokurikulum  
dibincang – dibincangkan
- iii. pamiran – pameran  
mengalakkan – menggalakkan

[Maksimum : 6 markah]

- 3d) i. intensif – insentif  
dari – daripada
- ii. demi untuk – demi / untuk  
berdaya – berjaya
- iii. kini – ini  
penambahan – peningkatan

[Maksimum : 6 markah]

- 3e) i. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.
- ii. Makan angin
- iii. Ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.

[Maksimum : 6 markah]

**Soalan 4: Pemahaman Novel****JAWAPAN:****4a) Peristiwa menarik****Azfa Hanani:**

Peristiwa Datuk Tengku Makmur memberitahu Azfa Hanani bahawa beliau yang melanggar teksi yang dinaiki oleh ayah dan ibu Azfa Hanani hingga mengakibatkan mereka terbunuh. Azfa Hanani kembali tinggal di banglo Datin Maziah sebagai dirinya sendiri. 2 m

Peristiwa Kejayaan Pasukan Forum Remaja Sekolah Menengah Taman Sari yang telah menjadi johan Forum Remaja peringkat negeri dan Azfa Hanani telah terpilih sebagai Pengerusi Terbaik. 2 m

Peristiwa Azfa Hanani telah mengetahui tentang latar belakang sebenar Ekran iaitu anak seorang pensyarah dan berjaya mendapatkan kepastian daripada Ekran tentang hubungan mereka berdua. 2 m

\*Pilih mana-mana dua isi dan terima isi lain yang sesuai

**Kembara Amira:**

Peristiwa terbongkarnya rahsia bahawa makhluk yang berbulu ialah Tau. Selama ini identiti makhluk berbulu menjadi misteri dalam kalangan masyarakat di Bukit Mat Raya. 2 m

Peristiwa terbongkarnya rahsia Malique dan Itai ialah anak-anak Tau. Dalam peleraian cerita, telah terbongkar rahsia ini apabila Jennifer berterus-terang bahawa Tau ialah bapa kandung Malique dan Ludin pula turut menjelaskan bahawa Itai ialah adik Malique atau Sabi. Pembaca terkejut/tidak menduga bahawa Malique dan Itai ialah anak kepada Tau. 2 m

Peristiwa kejayaan watak utama dan watak sampingan dalam bidang masing-masing. Amira telah berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang aeroangkasa. Malique terlibat dalam projek Teknologi Maklumat untuk penduduk di Dahan Hijau. Manakala Jacinta menceburi bidang fesyen di Paris dan Itai melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Universiti Sains Malaysia. 2 m

Peristiwa kejayaan Profesor Zaidah meneruskan kajian arkeologi pada fasa yang keempat di Bukit Mat Raya. Perkara ini menggambarkan matlamat Profesor Zaidah yang bersungguh-sungguh untuk mempertahankan khazanah negara yang mempunyai nilai sejarah telah berjaya. 2 m

\*Pilih mana-mana dua isi dan terima isi lain yang sesuai

**4b) Perbandingan perwatakan watak utama:****Persamaan : ( isi 3m)**

Berani menghadapi cabaran. 1 m

Azfa Hanani berani menyamar sebagai Tengku Murni walaupun tugas ini sangat berat dan menanggung risiko jika rahsia terbongkar. 1 m

Amira pula berani mengikut Itai untuk mendaki Gunung Gua Gajah bagi menyelamatkan Malique. 1 m

Taat perintah agama. 1 m

Azfa Hanani menunaikan sembahyang, berdoa dan membaca al-Quran untuk kedua-dua ibu bapanya. 1 m

Amira cepat-cepat menunaikan sembahyang Subuh ketika tiba di Stesen Kereta api Dahan Hijau. 1 m

- Gigih berusaha. 1 m
- Azfa Hanani gigih menuntut ilmu pengetahuan. Dia berusaha mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Jepun di Institut Lingua Franca. 1 m
- Amira gigih berusaha membantu ibunya dan pelajar lain menjalankan kerja –kerja arkeologi . 1 m
- \*pilih mana-mana satu isi

**Perbezaan: (1 isi 3m)**

- Dalam aspek bijak teknologi maklumat (IT). 1 m
- Azfa Hanani tidak mempunyai kemahiran dalam komputer kerana dia telah meminta Tengku Muzaffar mengajarnya komputer. 1 m
- Manakala Amira berkemahiran dalam bidang IT kerana dialah yang membalas semua e-mel ibunya dan memuatkan hasil penemuan baru ke blog ibunya. 1 m
- Dalam aspek keluarga. 1 m
- Azfa Hanani tiada keluarga sendiri, dia hanya tinggal dengan bapa saudaranya. 1 m
- Manakala Amira masih mempunyai ibu bapa iaitu Profesor Zaidah dan En. Amir. 1 m
- Dalam aspek kesenangan hidup/kekayaan. 1 m
- Azfa Hanani hidup dalam kemiskinan sehingga sanggup menyamar sebagai Tengku Murni bagi membiayai kos rawatan sepupunya Zuraini dan meneruskan persekolahannya. 1 m
- Manakala Amira hidup dalam suasana kemewahan kerana kerjaya ibu bapanya yang termasuk dalam golongan profesional iaitu pensyarah dan jurutera. 1m

\*Pilih mana-mana satu isi.

Pelajar wajib memberi satu persamaan dan satu perbezaan.